

**Wasatiyyah Hanya Akan Berjaya Jika Semua Pihak Mengambil Sikap Sama  
Bernama  
29 Januari, 2012  
Oleh Ahmad Shukran Shaharudin**

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Wasatiyyah atau moderat, satu pendekatan yang mengutamakan sikap kesederhanaan dan pertengahan, hanya akan berjaya jika semua pihak mengambil pendekatan yang sama, baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Usaha yang dilakukan kerajaan dengan mengadakan konvensyen Pergerakan Kesederhanaan (Moderat) Global (GMM) adalah langkah bertepatan dan sesuai dengan masa malahan dialu-alukan pelbagai negara peserta yang melihatnya sebagai bukti pandangan jauh dan meletakkan Malaysia ke persada dunia.

GMM yang berlangsung selama tiga hari di sini baru-baru ini mengumpulkan 350 peserta dari 70 negara dengan 50 tokoh sebagai pembicara, juga merupakan satu cara untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan sejagat, dengan Malaysia menjadi pendorong utamanya.

Isu-isu antara Barat dan Islam juga perlu ditunjangi dengan sikap kesederhanaan, dan dengan adanya gerakan ini, ia menjadi landasan dan garis panduan yang tepat dalam menghentikan segala sangka buruk, benci membenci antara kedua-dua pihak.

Dalam konteks lebih besar penghayatan moderat ini perlu diserap di peringkat antarabangsa, namun skop dalam negara juga tidak boleh dikesampingkan sama sekali, dengan mengambilkira situasi sosio-politik Malaysia pada masa ini.

Institut Wasatiyyah yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak boleh menjadi satu langkah positif untuk pergerakan moderat dan ia perlu diterjemahkan menjadi tindakan-tindakan konkrit, tanpa terbatas kepada dialog atau hanya konvensyen semata-mata.

Pensyarah Kanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah berkata konsep wasatiyyah jika mahu diterjemahkan adalah satu pendekatan kesederhanaan dan berimbang yang selama ini telah dibuktikan dalam Islam itu sendiri.

"Ini adalah yang terbaik dan yang kita mahukan dalam kehidupan kita sehari-hari. Sejak dulu lagi tercatat di dalam sejarah bahawa pendekatan yang digunakan oleh pemimpin Islam telah melahirkan negara yang aman damai walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata dalam konteks itu, orang bukan Islam boleh hidup senang lenang di bawah pemerintahan orang Islam dan terjamin seperti yang kini dinikmati di Malaysia, sekaligus membuktikan wasatiyyah sebenarnya sudah lama diamalkan oleh kepimpinan negara.

"Ini berbeza di mana ada senario yang kita lihat sesetengah negara orang bukan Islam, orang Islam sebagai minoriti ditindas dan sering menjadi mangsa diskriminasi," katanya.

Ditanya mengenai senario di dalam negara, Dr Mohd Ridhuan berkata terdapat sebahagian dan kumpulan tertentu yang mahu melihat keadilan seperti konsep 'fair and square' yang mana tidak boleh dilakukan di negara ini.

"Kita kena faham, keadilan itu ialah meletakkan sesuatu pada haknya. Tak bolehlah semua kaum hendak sama semua hal sedangkan ada kaum yang lebih majoriti. Ini bermakna majoriti tentulah mendapat lebih daripada minoriti.

"Apabila timbulnya tuntutan-tuntutan melampau seperti ini, jelas menunjukkan mereka tidak memahami konsep wasatiyyah itu sendiri," katanya.

Beliau berkata sekiranya isu-isu itu terus dibangkitkan, ia boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan kehidupan di dalam negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Masyarakat semua kaum perlu faham dengan jelas konsep kesederhanaan, seperti berulang kali dinyatakan oleh pemimpin negara terutamanya Datuk Seri Najib supaya mengekalkan keharmonian beragama dan berbudaya di negara ini yang telah dibina sejak bertahun-tahun, hatta sejak sebelum Merdeka.

Pada November lepas, sebagai langkah permulaan, Umno turut menganjurkan Seminar Kebangsaan Pemahaman Wasatiyyah dan 1Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dalam konteks politik pula, Pengerusi Yayasan 1Malaysia Dr Chandra Muzaffar dipetik sebagai berkata ahli politik juga perlu berpegang kepada prinsip wasatiyyah yang berasaskan keadilan dan keseimbangan melalui ucapan dan tindakan.

"Ahli-ahli politik tidak harus mengorbankan keadilan dan keseimbangan hanya kerana mahu mengejar undi dari kaum atau kumpulan tertentu, untuk meraih sokongan, bagi mencatat kemenangan dalam pilihan raya," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Sekretariat Ulama Muda Umno (Ilmu) Fathul Bhari Mat Jahaya pula berkata pendekatan wasatiyyah tidak akan mampu dicapai sekiranya ia tidak dipraktikkan secara global dan keseluruhan.

"Ia tidak boleh dicapai kalau sesetengah pihak sahaja yang membawa dan mengamalkan konsep ini. Jika tidak, akan ada pihak lain pula menuntut kesamarataan.

"Perlu diberitahu bahawa kesamarataan dan kesederhanaan ini adalah dua pendekatan yang berbeza dan boleh menjadi satu pertentangan pula jika gagal difahami dengan benar," katanya kepada Bernama.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642742>